

130k. Melindungi orang yang melakukan perbuatan pengganas.

Barang siapa yang melindungi, atau mengelak, menghalang atau campurtangan dalam penangkapan mana-mana orang yang diketahui atau yang ada sebab untuk mempercayai bahawa orang itu—

- (a) telah melakukan atau sedang merancang atau adalah berkemungkinan akan melakukan perbuatan pengganas; atau
- (b) adalah ahli kumpulan pengganas,

hendaklah dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup, dan hendaklah juga dikenakan denda; atau pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, atau dengan denda.